

29 MAY 2002

Mahathir-Pope

PERTEMUAN MAHATHIR-POPE MUNGKIN 7 JUN

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pertemuannya dengan Pope John Paul II di Vatican City mungkin diadakan pada 7 Jun ini.

Perdana Menteri berkata mesyuarat kabinet hari ini memberi persetujuannya bagi pertemuan itu, yang merupakan satu undangan daripada ketua gereja Katolik itu.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Sedunia FIABCI 2002 di sini, Dr Mahathir berkata selain membincangkan isu Palestin, pertemuan beliau dengan Pope John Paul akan menyentuh mengenai masalah imej Islam, kurang kefahaman tentang agama Islam dan hubungan antara orang Islam dengan bukan Islam.

Ia bakal berlangsung menjelang lawatan Perdana Menteri ke Switzerland dan Luxembourg dari 9 hingga 12 Jun ini.

Ketika diminta mengulas dakwaan Parti Rakyat Malaysia (PRM) bahawa pertemuan itu bertujuan mengambil hati golongan Kristian di Malaysia menjelang pilihan raya akan datang, Dr Mahathir berkata: "Itulah, sangkaan buruk memang ada pada orang ini."

Beliau berkata kerajaan tidak mempunyai niat yang terselindung dalam menerima jemputan itu dan sebaliknya berhasrat mendapatkan kebaikan daripadanya.

Pertemuan Perdana Menteri dengan ketua gereja Katolik disambut baik pelbagai pihak termasuk Pas.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat dilaporkan berkata pertemuan itu wajar disambut baik kerana ia membolehkan pemimpin agama Kristian mendengar penjelasan mengenai pendirian Islam dan Malaysia berhubung keganasan yang berlaku di Afghanistan dan Palestin.

-- BERNAMA

MAD MAM MAI